

29 AUG 1997

Mahathir-Sikap

UMNO KELANTAN MESTI BERUSAHA UBAH SIKAP RAKYAT

KOTA BAHARU, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu seluruh jentera Umno Kelantan berusaha bersungguh-sungguh bagi mengubah sikap mudah puas hati dan hidup ala kadar rakyat negeri ini yang berakar umbi sejak sekian lama.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata usaha itu amat penting bagi membolehkan Umno melipatgandakan usaha membawa kemajuan kepada mereka.

"Anggota Umno Negeri Kelantan hendaklah berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan dan cara baru menghadapi cabaran zaman perubahan ini.

"Tabiat dan cara lama dalam menangani kehidupan yang boleh menghalang kemajuan selama ini hendaklah dikikis sama sekali," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), dalam kata-kata aluan menerusi buku cenderamata sempena Konvensyen Umno/BN Kelantan '97 yang bermula semalam.

Konvensyen dua hari itu dirasmikan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Pengerusi BN Negeri. Ia akan ditutup Perdana Menteri petang ini.

Dr Mahathir berkata, Umno, sebagai parti yang menjadi tulang belakang pemerintahan negara dan pembela bangsa, hendaklah membuat persediaan yang teliti, kemas dan kental dalam menghadapi perubahan di sekeliling.

"Sekarangpun, tempias perubahan zaman sudahpun berlaku. Keterbukaan dunia, kemajuan teknologi canggih, ledakan dunia maklumat dan kepantasan komunikasi sudahpun mula mempengaruhi kehidupan harian kita.

"Jika kita tidak bersedia dan berawas, bangsa dan negara, kita akan pasti tenggelam dalam arus perubahan alaf baru ini," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan betapa cabaran alaf baru itu akan mendedahkan mereka kepada ketidaktentuan dunia baik daripada segi sosial, ekonomi mahupun politik.

Sehubungan itu, pendekatan cabaran hidup dalam abad ke-21 adalah lebih hebat dan besar dan akan menentukan kelangsungan hidup mereka pada masa depan, kata beliau. -- BERNAMA

WM AH FAZ